

**Malaysia Tempat Baik Untuk Berniaga, Kata Kit Bond Bekas Senator US  
Bernama  
19 Mei, 2012  
Daripada Khairdzir Md Yunus**

NEW YORK, 19 Mei (Bernama) -- Bekas senator Missouri Amerika Syarikat (US), Christopher Samuel "Kit" Bond, memandang tinggi Malaysia dan yakin negara itu merupakan lokasi yang baik untuk pelabur US menjalankan perniagaan.

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai negara yang aman, Bond, yang berkhidmat selama dua penggal sebagai Gabenor Missouri dari 1973 hingga 1977 dan dari 1981 hingga 1985, menolak tanggapan bahawa protes "kebangkitan revolusi" (Arab Spring) boleh berlaku di Malaysia, sekaligus menakutkan pelabur.

"Oh! Dengar! Semua orang bimbang terhadap kebangkitan revolusi dan tujuannya, namun Malaysia ialah negara yang aman!" katanya kepada wartawan Malaysia yang menembualnya selepas beliau bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, di sini.

Najib yang melakukan lawatan kerja ke New York dari Rabu hingga Jumaat, mempengerusikan Mesyuarat Kedua Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC), serta bertemu pemimpin syarikat Fortune 500, di sini.

"Mereka (Malaysia) mengamalkan demokrasi, mereka mempunyai hak asasi manusia, mereka mempunyai perusahaan bebas di sana, oleh itu tidak timbul persoalan di mana Malaysia, dan ia merupakan lokasi yang baik untuk menjalankan perniagaan," kata Bond.

Bond, rakan di Thompson Coburn, firma pembangunan dan perundingan perniagaan yang diketuainya, yang mempunyai pejabat di Missouri dan Washington, berkata beliau telah memberitahu rakyat Amerika mengapa Malaysia merupakan tempat yang baik untuk menjalankan perniagaan.

"Beberapa minggu lepas, saya membantu menganjurkan mesyuarat untuk MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) dan MIGHT (Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi) yang datang ke St Louis, Missouri, untuk berunding mengenai peluang-peluang yang ada di Malaysia.

"Seratus dua puluh perniagaan mahu datang dan berada di Malaysia untuk menjalin usaha sama, dan kami mempunyai universiti yang mahu datang dan bekerja bersama-sama universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia," katanya.

Ditanya tujuannya menemui Najib, Bond berkata beliau menemui seorang rakan.

"Kami mempunyai peluang hebat untuk menjadi orang yang baik, pergi ke tempat yang menarik dan membuat kawan dan kawan...itulah perkara yang anda tidak boleh lepaskan.

"Hebat... ia sesuatu yang baik dapat menemui perdana menteri. Saya bangga menyambut beliau di sini dan mengetahui apa yang berlaku di Malaysia dan memberitahu beliau serba sedikit apa yang kami lakukan di Missouri," katanya.

Ditanya sama ada beliau ada bertanyakan soalan khusus kepada perdana menteri, sambil berseloroh Bond berkata: "Saya bertanya PM bila pilihan raya (Malaysia) akan berlangsung memandangkan JJ (Duta Khas Malaysia ke US, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis) memberitahu saya beliau tidak mengetahuinya dan meminta saya bertanya beliau (Najib),

namun tidak mendapat jawapan daripada PM."

Bond, 73, anggota Parti Republikan, dipilih sebagai senator US pada 1986 dan dipilih semula pada 1992, 1998 dan 2004.

Pada 8 Jan, 2009, beliau mengumumkan tidak bertanding semula buat penggal kelima pada 2010, dan digantikan oleh Senator Roy Blunt pada 3 Jan, 2011.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667220>